

Catuan boleh tamat bila-bila masa: Khalid

Shah Alam: Catuan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya membabitkan tujuh juta pengguna sejak awal Mac lalu, akan ditamatkan pada bila-bila masa.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata keputusan itu dibuat selepas kerja mengempam air lombong ke empangan Sungai Selangor mencapai paras 42 hingga 43 peratus.

Katanya, kerajaan negeri sudah berbincang dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan Jabatan Meteorologi Malaysia berhubung langkah itu, pada Isnin lalu.

“Ketika ini, paras air empangan Sungai Selangor hanya 38.9 peratus sahaja. Kapasiti air yang diperlukan untuk menghentikan catuan ialah 900 million liter sehari dan kapasiti pam 50 million liter.

“Sebelum ini, kita anggarakan bila paras air men-

cehah ke 50 peratus, barulah catuan akan dihentikan tetapi dengan langkah mengempam air lombong ini, kita hanya perlukan 43 peratus paras air dalam empangan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO, di sini, semalam.

Proses mengempam sudah dijalankan

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak dapat menganggarkan tarikh catuan

“

Keputusan itu dibuat selepas kerja mengempam air lombong ke empangan Sungai Selangor mencapai paras 42 hingga 43 peratus”

Abdul Khalid Ibrahim,
Menteri Besar Selangor

dihentikan dapat dilaksanakan.

“Lagi cepat catuan dihentikan, lagi bagus. Perkaranya ini akan diuruskan oleh LUAS dan JPS, malah proses mengempam sudah dijalankan sejak beberapa hari lalu,” katanya.

Katanya, kerja mengempam itu membabitkan 26 lombong bijih timah yang sudah tidak digunakan sejak lebih 20 tahun lalu, berhampiran lembangan Sungai Selangor.

Sehubungan itu, katanya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKNN) meluluskan peruntukan RM10 juta bagi membina infrastruktur untuk kerja mengempam air termasuk pembelian pam berkeupayaan tinggi.

“Cara ini juga akan digunakan pada masa akan datang sekiranya musim kering berlaku. Orang ramai tidak perlu risau lagi dengan masalah kekurangan air.

“Kerajaan negeri juga akan sentiasa memaklumkan perkara ini kepada rakyat melalui sidang akhbar yang akan diadakan setiap dua hari,” katanya.